Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Waspada taktik licik sindiket penipuan 'keldai wang' dengan tawaran ke Taiwan
Date : 18 October 2026
Section : Tempatan
Page : 6



Waspada taktik licik sindiket penipuan 'keldai wang' dengan tawaran ke Taiwan

SIBU: Tawaran percutian percuma, pekerjaan bergaji tinggi dan janji menanggung segala perbelanjaan ke Taiwan kini menjadi antara taktik licik sindiket penipuan untuk memperdaya rakyat Malaysia, khususnya golongan muda, sehingga tanpa disedari terjerat dalam kegiatan pengubahan wang haram.

Ahli Parlimen Sibu Oscar Ling memberi amaran bahawa mangsa yang pada awalnya percaya mereka menerima tawaran pekerjaan sah mungkin akhirnya diperalatkan sebagai 'keldai wang' untuk mengeluarkan wang tunai melalui mesin pengeluaran wang automatik (ATM) dan memindahkan dana yang dipercayai berkaitan aktiviti jenayah.

Beliau berkata, berdasarkan kes-kes terbaharu, terdapat rakyat Malaysia yang dipujuk menerusi iklan pengambilan pekerja dalam talian untuk ke Taiwan tanpa memahami sifat sebenar pekerjaan yang ditawarkan.

Mangsa lazimnya diberitahu bahawa tugas mereka sekadar mengambil wang bagi pihak syarikat, majikan atau perniagaan berkaitan kasino, dengan jaminan bahawa urusan itu mudah, sah dan tidak berisiko.

Namun, di sebalik tawaran lumayan itu, mereka mungkin sebenarnya sedang dipergunakan untuk membantu melancarkan kegiatan penipuan dan pengubahan wang haram.

"Sebarang tawaran kerja yang menjanjikan wang mudah sebagai balasan untuk mengeluarkan wang tunai atau memindahkan dana daripada sumber yang tidak diketahui perlu menimbulkan kecurigaan.

"Jangan mudah terperdaya hanya kerana perekrut menawarkan tiket penerbangan, penginapan dan makanan percuma atau mendakwa pekerjaan itu sah di sisi undang-undang," katanya dalam satu kenyataan kelmarin.

Menurut Ling, antara taktik yang sering digunakan sindiket ialah menawarkan percutian percuma atau pekerjaan jangka pendek dengan gaji tinggi, sebelum meminta calon berkomunikasi melalui kumpulan Telegram atau saluran pemesejan peribadi bagi menguruskan perjalanan dan urusan pekerjaan.

Setibanya di Taiwan, mangsa mungkin diarahkan menggunakan kad ATM untuk mengeluarkan wang tunai, sekaligus mendedahkan mereka kepada risiko terbabit dalam transaksi kewangan yang mencurigakan.

Lebih membimbangkan, golongan muda yang kurang pengalaman dalam dunia pekerjaan mungkin tidak menyedari bahawa tindakan mengeluar atau memindahkan wang bagi pihak orang lain boleh mengheret mereka ke dalam siasatan jenayah.

Ling menegaskan dakwaan seseorang tidak mengetahui sumber wang berkenaan atau sekadar mengikut arahan majikan tidak bermakna mereka secara automatik terlepas daripada tindakan undang-undang.

Sebaliknya, sama ada sesuatu kesalahan dilakukan bergantung pada fakta kes dan undang-undang yang terpakai, katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihati rakyat Malaysia yang mendapati pekerjaan sebenar tidak sepadan dengan tawaran asal, atau diminta mengeluarkan wang daripada sumber yang tidak diketahui selepas tiba di Taiwan, supaya menghentikan kegiatan berkenaan serta-merta dan mendapatkan bantuan polis tempatan.

Mereka juga diingatkan supaya tidak menyerahkan kad ATM, kad bank, pasport atau dokumen penting kepada individu yang mencurigakan.

Pada masa sama, mangsa perlu menyimpan segala bukti berkaitan, termasuk iklan pekerjaan, rekod perbualan, tiket penerbangan dan dokumen lain, serta memberikan maklumat sebenar kepada pihak berkuasa bagi membantu siasatan.

Ling turut membangkitkan kebimbangan bahawa kegiatan berkenaan tidak hanya menyasarkan rakyat Malaysia berketurunan Cina, malah semakin melibatkan masyarakat peribumi, khususnya orang Melayu dan Dayak.

Katanya, keadaan itu menunjukkan bahawa ancaman sindiket penipuan tidak mengenal kaum, sekali gus menuntut kesedaran dan kewaspadaan semua lapisan masyarakat.

Beliau menggesa golongan muda supaya menyemak latar belakang syarikat perekrutan, lokasi tempat kerja, skop tugas dan kesahihan tawaran sebelum menerima pekerjaan atau melakukan perjalanan ke luar negara.

Iklan pekerjaan yang disiarkan oleh individu tidak dikenali di Facebook, TikTok, Telegram dan platform media sosial lain tidak seharusnya dipercayai tanpa pengesahan sewajarnya.

Beliau turut menyeru orang ramai agar menyebarkan amaran berkenaan kepada ahli keluarga, rakan dan kumpulan komuniti, termasuk komuniti media sosial berbahasa Melayu, supaya lebih ramai menyedari taktik sindiket berkenaan.

Tegasnya, usaha membanteras penipuan sedemikian bukan hanya bergantung pada tindakan penguatkuasaan pihak berkuasa, malah memerlukan kerjasama masyarakat dalam menyebarkan maklumat yang tepat dan mengenal pasti tanda-tanda awal penipuan.

Orang ramai perlu memahami bahawa tawaran kerja yang kelihatan terlalu mudah dan lumayan boleh membawa padah besar apabila mereka dijadikan alat sindiket untuk mengalirkan wang haram, sekali gus berisiko berdepan proses undang-undang dan hukuman penjara di luar negara, katanya.